



## Rao kunjung Yang di-Pertuan Agong

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyambut kedatangan

Perdana Menteri India, P V Narasimha Rao ketika beliau membuat kunjungan hormat di Istana

Negara, semalam. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Foto Bernama

## Negara membangun perlu diberi hak bersuara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Negara membangun mesti diberi hak bersuara apabila struktur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hendak disusun semula, kata Perdana Menteri India, P V Narasimha Rao. Beliau menegaskan negara membangun harus bersuara bagi menghalang perubahan yang tidak menguntungkan. Sehubungan itu, katanya Perhimpunan Agung PBB perlu diberi fungsi

lebih besar manakala Majlis Keselamatannya mesti menggambarkan kedudukan sebenar dunia, terutama negara dunia ketiga. "Sampai bila kita harus menerima keputusan badan dunia yang dipengaruhi kepentingan negara tertentu. Kita yang kini semakin mempunyai kepentingan dalam urusan antarabangsa, perlu memastikan suara kita didengari badan dunia itu," katanya. Rao yang mempunyai

pengalaman luas dalam perhubungan antarabangsa, berkata demikian ketika menyampaikan pidato bertajuk 'Suasana Selepas Perang Dingin: Perancangan di Masa Depan di Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar di sini, petang ini. Beliau yang dalam lawatan rasmi empat hari ke negara ini berucap kepada lebih 200 orang diplomat, ahli politik, pegawai kerajaan dan golongan profesional di majlis itu.

## Pilihan raya bebas, adil di Kashmir

PETALING JAYA, Jumaat - Perdana Menteri India P V Narasimha Rao yang kini dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia, hari ini membayangkan kerajaannya akan mengadakan pilihan raya 'bebas dan adil' di Kashmir dalam masa tiga atau

empat bulan lagi untuk mengembalikan institusi demokrasi.

"...dalam tempoh tiga atau empat bulan lagi, jangan terkejut jika kita mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil (di Kashmir). Itulah yang kita telah rancangkan," kata

nya ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ceramah mengenai era Pasca Perang Dingin di Institut Diplomasi dan hubungan Luar di sini.

Ceramah itu dipengerusikan oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.